



ANJURAN BERSAMA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
DAN
MAJLIS GURU BESAR SJK(C) SELANGOR
dengan Kerjasama
Gemilang Publishing Sdn Bhd

Lee Zhe yu

PERTANDINGAN UJIAN BERTULIS
BAHASA MALAYSIA
SJK(C) SELANGOR
2019

Ujian ini mengandungi 100 soalan. Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga 4

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Masyarakat kini terlalu bergantung pada penggunaan beg plastik telah mengakibatkan berlakunya pencemaran. Bahkan, penggunaan beg plastik yang *berleluasa* menyebabkan orang ramai tidak menghargai beg plastik dan membuangnya di merata-rata tempat. Beg-beg plastik ini bukan sahaja mencemarkan keindahan alam, bahkan turut memenuhi longkang sebelum hanyut dibawa hujan ke laut sekali gus memberi kesan yang lebih buruk khususnya kepada hidupan laut seperti ikan paus dan penyu.

Kerajaan menanggung kos yang tinggi untuk membersihkan pencemaran plastik. Misalnya, Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri memperuntukkan sebanyak RM260 juta setahun bagi menampung kos pengurusan sisa pepejal di Kuala Lumpur manakala RM90 juta di Putrajaya dan RM50 juta di Labuan.

Pencemaran plastik bukan sahaja akan merosakkan alam sekitar malah memberikan impak negatif terhadap kehidupan manusia. Memandangkan ancaman bahaya pencemaran, langkah-langkah wajar dan berkesan patut diambil. Langkah untuk melindungi alam sekitar ini bukanlah tanggungjawab pihak kerajaan sahaja tetapi merupakan tanggungjawab semua pihak.

Pengguna memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah pencemaran plastik. Sebagai seorang pengguna yang bertanggungjawab, ketika hendak membeli-belah di pasar raya kita sebaiknya membawa beg sendiri. Tindakan ini secara langsung dapat mengurangkan penggunaan beg plastik. Selain itu, kita juga boleh membawa bekas makanan sendiri semasa membeli makanan di gerai makan atau restoran.

Mulai 15 Mac 2019, setiap beg plastik yang digunakan oleh orang ramai semasa membeli-belah di Wilayah Persekutuan akan dikenakan bayaran sebanyak 20 sen sebagai caj pencemaran. Caj berkenaan selaras dengan matlamat kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran sisa plastik melalui Pelan Hala Tuju ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018 – 2030 yang diterajui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

1 Perkataan *berleluasa* dalam petikan bermaksud

- A tidak tersekat.
- B sangat luas. (P1 B 2)
- C berlebihan.
- D berterusan.

2 Apakah kesan pencemaran plastik?

- A Meningkatkan caj pencemaran di Wilayah Persekutuan
- B Merosakkan keindahan alam sekitar dan mengancam nyawa hidupan di bumi
- C Hidupan laut seperti ikan paus dan penyu akan mendapat makanan tambahan
- D Menggalakkan pelancaran Pelan Hala Tuju ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018 – 2030

- 3 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Langkah untuk melindungi alam sekitar merupakan tanggungjawab pihak kerajaan.
 - B Membawa beg sendiri semasa membeli-belah dapat mengurangkan penggunaan beg plastik.
 - C Kita boleh membawa beg plastik sendiri semasa membeli makanan di gerai makan atau restoran.
 - D Pelan Hala Tuju ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018 – 2030 diterajui Kementerian Wilayah Persekutuan.
- 4 Bagaimanakah pihak kerajaan mengatasi masalah pencemaran sisa plastik?
- A Memperuntukkan sebanyak RM50 juta setahun bagi menampung kos pengurusan sisa pepejal di Labuan
 - B Memperuntukkan sebanyak RM90 juta setahun bagi menampung kos pengurusan sisa pepejal di Putrajaya
 - C Memperuntukkan sebanyak RM260 juta setahun bagi menampung kos pengurusan sisa pepejal di Kuala Lumpur
 - D Mengenaikan caj pencemaran sebanyak 20 sen ke atas beg plastik yang digunakan oleh orang ramai semasa membeli-belah di Wilayah Persekutuan

Soalan 5 hingga 8

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Salam sejahtera tuan-tuan dan puan-puan. Selamat datang saya ucapkan kepada para hadirin kerana sudi hadir ke sesi ceramah sempena Minggu Kesihatan Sedunia. Saya Doktor Paula, pakar ortopedik dari Hospital Pantai. Hari ini saya akan memberikan ceramah tentang osteoporosis.

Hadirin sekalian,

Pernahkah anda mendengar istilah osteoporosis? Osteoporosis merupakan keadaan tulang yang rapuh dan mudah patah kerana kurang kepadatannya. (Osteoporosis sering berlaku dalam kalangan wanita yang telah meningkat usia dan wanita selepas menopause.) Hal ini demikian kerana badan mereka tidak dapat menggantikan tisu-tisu tulang yang lama dengan tisu baharu yang lebih sihat.

Apabila semakin berusia, kepadatan tulang semakin kurang menyebabkan tulang menipis. Tulang menjadi rapuh dan mudah patah terutama tulang belakang, pergelangan tangan dan tulang pinggul.

(Pesakit osteoporosis mengalami sakit sendi, sukar untuk berdiri lurus dan duduk serta tulang patah tanpa hentaman kuat.) Jikalau keadaan terlalu teruk, pesakit berkemungkinan menghadapi risiko patah tulang ketika batuk atau bersin. Selain itu, pesakit osteoporosis juga mudah bongkok kerana tulang sukar untuk menyokong berat badan.

Para hadirin yang dihormati,

Lazimnya terdapat beberapa rawatan untuk pesakit osteoporosis termasuklah terapi gantikan hormon. Rawatan testosteron pula boleh diberikan kepada pesakit lelaki. Namun, pencegahan awal dapat membantu melambatkan osteoporosis. Pengambilan kalsium dan vitamin D dapat membantu mengurangkan risiko osteoporosis. Selain itu, amalan cara hidup sihat iaitu pemakanan dan senaman juga amat penting untuk mengelakkan osteoporosis.

Sekian, terima kasih.

- 5 Siapakah yang sering mengalami osteoporosis?
 - A Wanita sebelum menopause
 - B Lelaki yang telah meningkat usia
 - C Wanita yang telah meningkat usia
 - D Orang yang mempunyai tulang yang rapuh


- 6 Berikut merupakan masalah yang dihadapi oleh pesakit osteoporosis **kecuali**
 - A sakit sendi.
 - B badan tidak dapat dibongkokkan.
 - C tulang patah tanpa hentaman kuat.
 - D sukar untuk berdiri lurus dan duduk.

- 7 Bagaimanakah cara untuk mencegah osteoporosis?
 - A Mengurangkan berat badan
 - B Mendapatkan rawatan testosteron
 - C Menjalankan terapi gantikan hormon
 - D Menjaga pemakanan dan mengamalkan senaman

- 8 Pada pendapat kamu, siapakah yang paling sesuai untuk mendengar ceramah ini?
 - A Remaja
 - B Kaum lelaki
 - C Kanak-kanak
 - D Orang dewasa

Soalan 9 hingga 12

Baca maklumat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



- 9 Siapakah nama sebenar P. Ramlee?
- A Teuku Zakaria bin P. Ramlee
 - B P. Ramlee bin Teuku Nyak Puteh
 - C Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh
 - D Teuku Nyak Puteh bin Teuku Zakaria
- 10 Antara bidang berikut pernah diceburi oleh P. Ramlee **kecuali**
- A pelakon.
 - B pemuzik.
 - C pengarah.
 - D pensyarah.
- 11 Mengapakah P. Ramlee digelar sebagai “Seniman Agung Negara” ?
- A Kerana beliau pernah mendapat pengiktirafan antarabangsa
 - B Kerana beliau dianugerahkan sebagai *Best Male Lead Role* pada Festival Filem Asia ke-4, Tokyo
 - C Kerana jasanya yang amat besar dalam industri hiburan terutamanya di rantau Asia Tenggara
 - D Kerana beliau pernah mendapat anugerah *Most Versatile Talent* pada Festival Filem Asia ke-10, Tokyo
- 12 Bagaimanakah kita dapat melihat masyarakat dahulu amat menghargai P. Ramlee?
- A Jalan Parry ditutupkan pada tahun 1982.
 - B Patung P. Ramlee dipamerkan di Muzium Negara.
 - C Namanya diabadikan pada sebuah stadium di Pulau Pinang.
 - D Mengabadikan namanya pada sebatang jalan iaitu Jalan P. Ramlee di tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur

Soalan 13 hingga 80

Pilih jawapan yang paling sesuai.

13 Johan _____ daripada menyertai lawatan sambil belajar ke pusat kraf tangan.

- A menarik diri
- B meminta diri
- C membuta tuli
- D mengikut jejak

14 Mustaqim merupakan _____ pasukan hoki sekolahnya. Tidak hairanlah segala kemahuannya dituruti.

- A bidan terjun
- B kaki bangku
- C batu loncatan
- D tulang belakang

15 Izwan melarikan diri dan membiarkan adiknya dituduh sedangkan dirinya yang melakukan kesalahan.

Pilih simpulan bahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A pilih kasih
- B langkah kiri
- C lepas tangan
- D kera sumbang

16 Azman amat tekun menjalankan kerja-kerjanya seperti _____.

- A ayam berak kapur
- B kera mendapat bunga
- C anai-anai makan kayu
- D kerbau dicucuk hidung

17 Nasib nelayan itu _____ kerana botnya yang buruk itu akan karam pada bila-bila masa sahaja apabila ditimpa ombak kuat.

- A seperti telur di hujung tanduk
- B seperti melukut di tepi gantang
- C seperti punggung rindukan bulan
- D seperti embun di hujung rumput

- 18 Encik Farihin sangat suka akan kereta idaman yang mahal itu tetapi dia sedar akan kemampuan dirinya yang sederhana.

Pilih peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Hangat-hangat tahi ayam
- B Beri betis hendakkan paha
- C Ukur baju di badan sendiri
- D Indah khabar daripada rupanya

- 19 Nenek tidak mampu untuk mengunyah daging yang _____ kerana dia sudah tidak bergigi.

- A liat macam getah
- B kasar macam pasir
- C masam macam cuka
- D pahit macam hempedu

- 20 Kata-kata Raikal yang _____ itu benar-benar menyakitkan hati kedua-dua orang ibu bapanya.

- A degil macam keldai
- B jahat macam syaitan
- C tajam macam sembilu
- D garang macam harimau

- 21 Seandainya hari hujan, perlawanan bola sepak akan dibatalkan.

Pilih perkataan **sinonim** bagi seandainya.

- A sekiranya
- B seeloknya
- C sebenarnya
- D sesungguhnya

- 22 Farhan seorang murid yang aktif dalam bidang sukan di sekolah saya.

Pilih perkataan **sinonim** bagi aktif.

- A ligat
- B segak
- C cergas
- D kencang

- 23 Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat murid-murid dalam mengarang cerita.

Pilih perkataan **sinonim** bagi mencungkil.

- A mengupas
- B mengasah
- C mengorek
- D menebuk

- 24 Baginda runsing memikirkan penyakit berjangkit yang sedang melanda negeri ini.
Pilih perkataan sinonim bagi runsing.
- A hairan
 - B curiga
 - C sebak
 - D risau
- 25 Amboi, merdu sungguh suara penyanyi yang sedang bernyanyi di atas pentas itu!
Pilih perkataan sinonim bagi merdu.
- A empuk
 - B manis
 - C lunak
 - D enak
- 26 Saya tidak akan memaksa kamu untuk melakukan permainan ini jika kamu takut.
Pilih perkataan sinonim bagi memaksa.
- A merayu
 - B mendesak
 - C memanggil
 - D memerintah
- 27 Mata Si Oren terpejam-pejam apabila kepalanya diusap.
Pilih perkataan sinonim bagi diusap.
- A dibelai
 - B ditekan
 - C diramas
 - D dipegang
- 28 Encik Fauzan meriba anak kecilnya semasa berbual dengan tetamu.
Pilih perkataan sinonim bagi meriba.
- A mendukung
 - B memangku
 - C menjulang
 - D memikul
- 29 Mereka telah mencuba pelbagai usaha untuk memajukan perniagaan.
Pilih perkataan sinonim bagi usaha.
- A adat
 - B teknik
 - C ikhtiar
 - D peraturan

- 30 Tuan puteri mengimpikan kecantikan yang abadi.
Pilih perkataan **sinonim** bagi abadi.
A kukuh
B kekal
C tetap
D padu
- 31 Wei Han hanya dapat makan nasi lembik kerana giginya sakit sejak semalam.
Pilih perkataan **antonim** bagi lembik.
A beku
B keras
C teguh
D kental
- 32 Perutnya semakin kempis semenjak dia melakukan senaman tekan tubi.
Pilih perkataan **antonim** bagi kempis.
A bulat
B tonjol
C buncit
D gemuk
- 33 Abang Nizam tidak suka memikirkan perkara yang remeh seperti itu.
Pilih perkataan **antonim** bagi remeh.
A mustahak
B pintar
C sukar
D tegas
- 34 Gaun pengantin perempuan itu labuh sehingga mencecah lantai.
Pilih perkataan **antonim** bagi labuh.
A cetek
B renek
C suntuk
D singkat
- 35 Pekebun berasa bimbang kerana harga getah semakin merosot.
Pilih perkataan **antonim** bagi merosot.
A meninggi
B membesar
C meningkat
D mengembang

- 36 Pemain itu digugurkan daripada pasukan bola sepak kerana mengingkari arahan jurulatih.
*Pilih perkataan **antonim** bagi mengingkari.*
- A mematuhi
 - B menjejaki
 - C mengagumi
 - D menghormati
- 37 Rumah-rumah setinggan di kawasan itu telah dirobohkan oleh pihak berkuasa.
*Pilih perkataan **antonim** bagi dirobohkan.*
- A dibangunkan
 - B ditempatkan
 - C dimajukan
 - D ditetapkan
- 38 Adam fasih bertutur dalam bahasa Inggeris sejak dia menyertai kursus bahasa.
*Pilih perkataan **antonim** bagi fasih.*
- A takut
 - B gagal
 - C lemah
 - D gagap
- 39 Penglihatan nenek menjadi jelas setelah dia menjalani pembedahan mata.
*Pilih perkataan **antonim** bagi jelas.*
- A kabur
 - B hitam
 - C malap
 - D gentar
- 40 Banyak pemuda leka dalam permainan interaksi bersifat maya di Internet.
*Pilih perkataan **antonim** bagi maya.*
- A tulen
 - B nyata
 - C kasar
 - D mundur
- 41 Rumah Pak Azman _____ ke dalam kawasan penanaman kelapa sawit.
- A renggang
 - B nyaris
 - C rapat
 - D jauh

- 42 Suasana di desa menjadi _____ kerana banyak penduduk berehat awal.
A longlai
B langsai
C longgar
D lengang
- 43 Peminta sedekah itu makan dengan _____ kerana sudah lama kelaparan.
A lahap
B tamak
C segera
D lantang
- 44 Wajah Tze Yan kelihatan _____ kerana dia baru sembuh daripada sakit.
A putih
B pucat
C lebam
D kuning
- 45 Tenaga kerja yang _____ dalam bidang perkilangan amat diperlukan dalam negara membangun.
A arif
B mahir
C matang
D cangguh
- 46 Penghuni diseru agar berpindah segera memandangkan dinding bangunan itu sudah _____.
A retak
B patah
C bocor
D kendur
- 47 Kipas siling itu berputar dengan _____ setelah dibersihkan kotorannya.
A ligat
B deras
C gopoh
D kencang
- 48 Tayar basikal Pak Tam tiba-tiba _____ kerana terkena paku di tengah jalan.
A lisut
B nipis
C kempis
D lempung

- 49 Air mata Mak Lemah meleleh apabila terkenangkan peristiwa _____ yang menyimpannya.
A kelat
B pahit
C manis
D masam
- 50 Hao Min berasa _____ kerana terpaksa berpisah dengan rakan-rakannya.
A gerun
B gusar
C pilu
D lena
- 51 Senarai nama pemenang pertandingan mewarna telah _____ pada papan kenyataan.
A diletakkan
B dipasangkan
C ditampalkan
D digantungkan
- 52 Ayam itu _____ dengan bahan-bahan seperti bawang, serai dan halia supaya rasanya lebih sedap.
A dibilas
B diperap
C dibenam
D direndam
- 53 Nizam _____ minuman dari botol itu sehingga habis kerana kehausan.
A menelan
B meneguk
C menggigit
D mengunyah
- 54 Pakaian yang sudah dibasuh itu membukit kerana tidak _____.
A berlipat
B berjemur
C bergulung
D berselerak
- 55 Minyak masak _____ ke tangan kakak semasa dia sedang menggoreng ayam.
A tersiar
B tersebar
C terpercik
D tercampak

- 56 Cikgu Latifah sedang _____ buku-buku latihan muridnya di bilik guru.
A menilai
B menyiasat
C menyemak
D menyelidik
- 57 Nenek Sarah masih suka _____ nasi dengan menggunakan kayu api.
A merebus
B menanak
C mendidih
D menjerang
- 58 Mercu tanda yang _____ indah di bandar raya itu menarik banyak pelancong.
A terpaku
B tercegat
C tersergam
D tercengang
- 59 Mak Cik Alma _____ isi kelapa untuk memasak kari daging kegemaran anak-anaknya.
A mengikis
B menghiris
C mengukur
D mencencang
- 60 Kedua-dua buah syarikat gergasi itu _____ kerjasama dalam bidang perhotelan untuk meluaskan sektor perusahaan mereka.
A dijalin
B jalinan
C terjalin
D menjalinkan
- 61 Tukang besi itu telah membuatkan Sultan Faramir se_____ pedang yang amat berkualiti.
A buah
B bilah
C batang
D keping
- 62 Datuk mengikat se_____ lidi dengan rapi untuk dijadikan penyapu lidi.
A laras
B cucuk
C berkas
D kelompok

- 63 Se_____ penjenayah telah diberkas oleh pihak polis dalam suatu operasi semalam.
A pasukan
B angkatan
C jambangan
D gerombolan
- 64 Kek itu dihiasi beberapa _____ strawberi dan beberapa _____ buah mangga agar kelihatan menarik.
A biji ... hiris
B bentuk ... biji
C buah ... keping
D ketul ... potong
- 65 Puan Ariana menyediakan dua ratus _____ sate dan seratus _____ ayam goreng untuk majlis makan di rumahnya.
A ulas ... biji
B cucuk ... ketul
C bilah ... keping
D batang ... papan
- 66 "Kalian perlu bersiap _____ tempoh sepuluh minit," kata penjaga asrama.
A pada
B demi
C sejak
D dalam
- 67 Puan Johana yang mengambil alih tugas menyara keluarga _____ kematian suaminya.
A demi
B sejak
C antara
D daripada
- 68 Adik Farhana berasa takut _____ watak anak patung yang menyeramkan dalam filem itu.
A akan
B kepada
C tentang
D terhadap
- 69 Kerusi roda yang dihadihkan _____ ayah itu sangat berguna _____ datuk.
A dari ... pada
B bagi ... untuk
C oleh ... kepada
D daripada ... demi